

## **UTUSAN MALAYSIA – SABTU 25 MAC 2017**

### **Kabinet lulus Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017**

**PUTRAJAYA 24 Mac** – Kabinet hari ini meluluskan cadangan Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 bagi menangani kes membabitkan jenayah seksual terhadap golongan itu di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, rang undang-undang itu akan dibentangkan dalam sidang Dewan Rakyat untuk bacaan kali pertama pada minggu hadapan.

“Terima kasih saya ucapan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak kerana membuka jalan dan membentuk jawatankuasa khas bagi menangani isu jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

“Rang undang-undang ini

penting untuk menangani keseriusan kesalahan seksual yang dilakukan terhadap kanak-kanak di Malaysia,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Perdana Menteri semasa berucap dalam Seminar Jenayah Seksual Kanak-Kanak baru-baru ini mahu rang undang-undang berkenaan dibentangkan pada sidang Parlimen akan datang bagi menangani kes berkenaan.

Mengulas lanjut Azalina berkenaan, rang undang-undang baharu itu memberi peruntukan mengenai kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang tiada dalam undang-undang sedia ada.

Menurut beliau, kejayaan Seminar Kebangsaan Jenayah Sek-

sual Kanak-Kanak: Hentikan!!! anjuran Permata yang berlangsung pada 13 dan 14 Mac lalu telah membuka mata ramai pihak mengenai keperluan akta tersebut.

“Usaha ini untuk memberi persekitaran yang sihat dan selamat kepada kanak-kanak,” katanya.

Azalina sebelum ini memaklumkan antara perkara baharu yang dimasukkan dalam undang-undang tersebut adalah *sexual grooming*, pornografi kanak-kanak dan penyalahgunaan kepercayaan.

Turut dicadangkan oleh kerajaan adalah mewujudkan satu mahkamah jenayah khas bagi mengendalikan prosiding jenayah seksual kanak-kanak yang sudah menjadi mangsa.